



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

---

AHAD, 18 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

*World Communications*



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>NANCY SHUKRI: FINANCIAL PROBLEMS, THIRD PARTY INVOLVEMENT MAIN FACTORS OF DOMESTIC VIOLENCE IN MALAYSIA</b>	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/17/nancy-shukri-financial-problems-third-party-involvement-main-factors-of-domestic-violence-in-malaysia/118554">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/17/nancy-shukri-financial-problems-third-party-involvement-main-factors-of-domestic-violence-in-malaysia/118554</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1014418/decline-reported-domestic-violence-cases-2023-due-underreporting">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1014418/decline-reported-domestic-violence-cases-2023-due-underreporting</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bimbang-keselamatan-punca-mangsa-tarik-balik-laporan-x8surb2">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bimbang-keselamatan-punca-mangsa-tarik-balik-laporan-x8surb2</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/economic-and-marital-strain-domestic-violence-triggers/">https://www.newsarawaktribune.com.my/economic-and-marital-strain-domestic-violence-triggers/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=swuDiPZbM_I">https://www.youtube.com/watch?v=swuDiPZbM_I</a>	YOUTUBE
	<a href="https://suarasarawak.my/tekanan-ekonomi-orang-ketiga-faktor-keganasan-rumah-tangga/">https://suarasarawak.my/tekanan-ekonomi-orang-ketiga-faktor-keganasan-rumah-tangga/</a>	SUARASARAWAK.MY
	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/02/17/nancy-financial-problems-third-party-involvement-main-factors-of-domestic-violence-in-msia/">https://www.theborneopost.com/2024/02/17/nancy-financial-problems-third-party-involvement-main-factors-of-domestic-violence-in-msia/</a>	THEBORNEOPOST.COM
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1061604/kes-keganasan-rumah-tangga-menurun-kerana-ramai-tak-berani-lapor">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1061604/kes-keganasan-rumah-tangga-menurun-kerana-ramai-tak-berani-lapor</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=gmatQPpYdzw">https://www.youtube.com/watch?v=gmatQPpYdzw</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>SARAWAK KETIGA TERTINGGI KES KEGANASAN RUMAH TANGGA SELEPAS SELANGOR, KEDAH</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/17/sarawak-ketiga-tertinggi-kes-keganasan-rumah-tangga-selepas-selangor-kedah/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/17/sarawak-ketiga-tertinggi-kes-keganasan-rumah-tangga-selepas-selangor-kedah/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/02/17/sarawak-ketiga-tertinggi-catat-kes-keganasan-rumah-tangga-nancy/">https://www.tvsarawak.my/2024/02/17/sarawak-ketiga-tertinggi-catat-kes-keganasan-rumah-tangga-nancy/</a>	TVSARAWAK.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>SKUAD WAJA PERLU JADI MATA DAN TELINGA KOMUNITI - NANCY</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/skuad-waja-perlu-jadi-mata-dan-telinga-komuniti-nancy-458684?">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/skuad-waja-perlu-jadi-mata-dan-telinga-komuniti-nancy-458684?</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/17/violence-against-women-waja-squad-urged-to-be-eyes-and-ears-of-community-says-minister/118533">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/17/violence-against-women-waja-squad-urged-to-be-eyes-and-ears-of-community-says-minister/118533</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/02/17/skuad-waja-perlu-jadi-mata-dan-telinga-komuniti-nancy/">https://www.tvsarawak.my/2024/02/17/skuad-waja-perlu-jadi-mata-dan-telinga-komuniti-nancy/</a>	TVSARAWAK.MY
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/bid-to-empower-women-against-domestic-violence/">https://www.newsarawaktribune.com.my/bid-to-empower-women-against-domestic-violence/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/02/17/nancy-urges-waja-squad-to-be-eyes-ears-of-community/">https://www.theborneopost.com/2024/02/17/nancy-urges-waja-squad-to-be-eyes-ears-of-community/</a>	THEBORNEOPOST.COM
	<a href="https://selangorjournal.my/2024/02/waja-squad-should-become-eyes-and-ears-of-community-nancy/">https://selangorjournal.my/2024/02/waja-squad-should-become-eyes-and-ears-of-community-nancy/</a>	SELANGORJOURNAL.MY
	<a href="https://www.getaran.my/artikel/semasa/56758/skuad-waja-perlu-jadi-mata-dan-telinga-komuniti-nancy">https://www.getaran.my/artikel/semasa/56758/skuad-waja-perlu-jadi-mata-dan-telinga-komuniti-nancy</a>	GETARAN.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2271119">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2271119</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://suarasarawak.my/skuad-waja-bantu-komuniti-bertindak-berani-bijak-tangani-kes-keganasan-rumah-tangga/">https://suarasarawak.my/skuad-waja-bantu-komuniti-bertindak-berani-bijak-tangani-kes-keganasan-rumah-tangga/</a>	SUARASARAWAK.MY
	<a href="https://www.edisi9.com.my/2024/02/keganasan-wanita-skuad-waja-jadi-mata-dan-telinga-komuniti/">https://www.edisi9.com.my/2024/02/keganasan-wanita-skuad-waja-jadi-mata-dan-telinga-komuniti/</a>	EDISI9.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>MAINTAINING INTEGRITY, PROFESSIONALISM WILL HELP PROPEL MINISTRY TO GREATER HEIGHTS, SAYS SARAWAK MINISTER</b>	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/17/maintaining-integrity-professionalism-will-help-propel-ministry-to-greater-heights-says-sarawak-minister/118507">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/17/maintaining-integrity-professionalism-will-help-propel-ministry-to-greater-heights-says-sarawak-minister/118507</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/fatimah-encourages-staff-to-embody-civil-service-characteristics/">https://www.newsarawaktribune.com.my/fatimah-encourages-staff-to-embody-civil-service-characteristics/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/02/17/praktikkan-integriti-demi-perkhidmatan-terbaik-kepada-masyarakat-fatimah/">https://www.tvsarawak.my/2024/02/17/praktikkan-integriti-demi-perkhidmatan-terbaik-kepada-masyarakat-fatimah/</a>	TVSARAWAK.MY
	<a href="https://suarasarawak.my/kekal-integriti-sepanjang-masa/">https://suarasarawak.my/kekal-integriti-sepanjang-masa/</a>	SUARASARAWAK.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>DERA BAYI: JKM N. SEMBILAN TUNGGU KEPUTUSAN TUTUP SEMENTARA TASKA</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/dera-bayi-jkm-n-sembilan-tunggu-keputusan-tutup-sementara-taska/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/dera-bayi-jkm-n-sembilan-tunggu-keputusan-tutup-sementara-taska/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>EMPAT PPS DIBUKA DI SARAWAK SETAKAT INI – FATIMAH</b>	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/02/17/empat-pps-dibuka-di-sarawak-setakat-ini-fatimah/">https://www.tvsarawak.my/2024/02/17/empat-pps-dibuka-di-sarawak-setakat-ini-fatimah/</a>	TVSARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>PANDEMIC RESTRICTIONS FACTOR IN DOMESTIC VIOLENCE RISE</b>	
	<a href="https://thesun.my/local_news/pandemic-restrictions-factor-in-domestic-violence-rise-OC12109474">https://thesun.my/local_news/pandemic-restrictions-factor-in-domestic-violence-rise-OC12109474</a>	THESUN.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>KERAJAAN SABAH PERUNTUK RM3.43 JUTA UPERKASA KEPIMPINAN WANITA MELALUI AKWAN - HAJIJI</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2271195">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2271195</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/17/sabah-govt-allocates-rm343m-to-empower-womens-leadership-via-academy-says-cm/118562">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/17/sabah-govt-allocates-rm343m-to-empower-womens-leadership-via-academy-says-cm/118562</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://sabahmedia.com/2024/02/17/rm3-43-juta-diperuntuk-untuk-akwan-tingkat-kepimpinan-wanita/">https://sabahmedia.com/2024/02/17/rm3-43-juta-diperuntuk-untuk-akwan-tingkat-kepimpinan-wanita/</a>	SABAHMEDIA.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	KES REMAJA BUNUH BAYI: PERLU ADA BELAS KASIHAN - AKTIVIS	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/696439">https://www.malaysiakini.com/news/696439</a>	MALAYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
10	LELAKI DIDAKWA AMANG SEKSUAL ANAK TIRI, 12	
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/228944/lelaki-didakwa-amang-seksual-anak-tiri-12/">https://www.dailyexpress.com.my/news/228944/lelaki-didakwa-amang-seksual-anak-tiri-12/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY



## Nancy Shukri: Financial problems, third party involvement main factors of domestic violence in Malaysia



Datuk Seri Nancy Shukri (centre) speaks to the media after inaugurating the Semarak Skwad Waja Sarawak programme in Kuching, February 17, 2024. — Borneo Post pic

Saturday, 17 Feb 2024 6:55 PM MYT

KUCHING, Feb 17 — Financial problems and the involvement of third parties are identified as primary factors contributing to domestic violence cases in this country, said Datuk Seri Nancy Shukri.

The women, family and community development minister said the inability to meet family needs has the potential to drive an individual to resort to violent actions.

“When the economy is unfavourable, it puts pressure on families due to the inability to provide for household needs. Therefore, financial difficulties become one of the reasons for domestic violence.

“Earlier, we were discussing drugs, and while they may be present, they are not the primary causes because, in most cases, the issues stem from financial problems.

“The second factor is more related to the involvement of third parties,” she told a press conference after inaugurating the Semarak Skwad Waja Sarawak programme at a hotel here today.

Nancy said based on the police statistics, 5,507 cases of domestic violence were recorded nationwide in 2023 compared to 6,540 cases in 2022.

“For Sarawak, the reported cases of domestic violence in 2023 were 473, a decrease from 624 cases in 2022.

“Although the number of cases saw a decrease of 24.2 per cent compared to 2022, it’s not a positive development as Sarawak still ranks third in domestic violence issues,” she said.

However, she did not dismiss the possibility that other states might also have high domestic violence cases, but they go unreported due to various factors.

“That’s why we established the Waja Squad as one of the ways to help address this, especially in addressing issues of violence against women.


“We even have village leaders, chiefs, or those holding the highest positions in the village who can be consulted and assist if something happens,” she said.

This is because those responsible in the village are tasked with maintaining security and helping to protect individuals who may potentially become victims of domestic violence, she pointed out.

Waja Squad is a volunteer initiative established by the Department of Women’s Development to empower the community by providing psychosocial guidance and implementing community activities.

This programme covers various aspects such as well-being, leadership, safety, and economics to enhance awareness of crimes against women.

Since the establishment of the Waja Squad in 2021 until December 2023, there have been 329,221 members nationwide. In Sarawak alone, there are 2,919 Waja Squad members. — Borneo Post



## Sarawak ketiga tertinggi kes keganasan rumah tangga selepas Selangor, Kedah

Oleh CHERINE JON 17 Februari 2024, 5:28 pm



Nancy semasa sesi sembang santai sempena Program Semarak Skuad Waja Sarawak 2024 di Kuching, hari ini.

KUCHING – Sarawak menjadi negeri ketiga tertinggi mencatatkan kes keganasan rumah tangga selepas Selangor dan Kedah dengan bilangan 2,345 kes sejak 2020 hingga tahun lalu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pada tahun lalu, kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan di negeri ini adalah sebanyak 473 kes berbanding 624 kes pada 2022.

“Terdapat penurunan sebanyak 24.2 peratus, namun Sarawak masih berada pada kedudukan ketiga tertinggi bagi kes keganasan rumah tangga,” katanya selepas menyempurnakan Program Semarak Skuad Waja Sarawak 2024, di sini hari ini.

Menurut Nancy, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes keganasan rumah tangga pada 2023 di seluruh negara mencatatkan bilangan 5,507 kes menurun berbanding 2022 yang merekodkan 6,540 kes.

Jelasnya, kebanyakan kes keganasan rumah tangga di negara ini dilakukan oleh individu dikenali mangsa seperti suami, bekas suami atau teman lelaki.


Jelas Nancy, kebanyakan mangsa sering memilih untuk tidak melaporkan kejadian yang dialami kerana bimbang akan pelaku selain tekanan sosial daripada keluarga atau rakan.

“Banyak kes yang tidak dilaporkan kerana dianggap sebagai masalah keluarga atau peribadi, malah ada kes mangsa tidak tahu cara untuk membuat laporan,” katanya.

Justeru, beliau menegaskan tanggungjawab membanteras keganasan terhadap wanita bukan hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata, sebaliknya dipikul secara bersama termasuk masyarakat setempat.

“Oleh itu, penubuhan Skuad Waja merupakan langkah positif ke arah membangunkan kolaborasi yang baik antara kerajaan dan masyarakat dalam mengatasi isu keganasan terhadap wanita.

“Kesedaran dan pemahaman mengenai isu ini penting untuk memastikan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat tercapai,” kata beliau. – KOSMO! ONLINE



## Skwad Waja perlu jadi mata dan telinga komuniti - Nancy

Bernama  
Februari 17, 2024 16:57 MYT



*Nancy berkata, keganasan terhadap wanita merupakan isu sejagat yang berlaku di seluruh dunia dan mangsa sering kali memilih untuk tidak melaporkan kekerasan. - Gambar fail*

**KUCHING:** Skwad Waja harus menjadi mata serta telinga dalam komuniti terutamanya dalam isu keganasan terhadap wanita, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata keganasan terhadap wanita merupakan isu sejagat yang berlaku di seluruh dunia dan mangsa sering kali memilih untuk tidak melaporkan kekerasan dialami kerana takut kepada pelaku serta tekanan sosial daripada keluarga atau rakan.

Katanya kebanyakan kes keganasan dilakukan oleh individu dikenali mangsa, seperti suami, bekas suami atau teman lelaki dan banyak yang tidak dilaporkan akibat dianggap sebagai masalah keluarga atau peribadi.


"Oleh sebab itu, Skwad Waja perlu menjadi mata dan telinga kepada rakan-rakan dan jiran kita. Kita perlu peka sekiranya kita dengar jiran sebelah rumah bergaduh misalnya.

"Sebelum ini kita selalu dengar jangan jaga tepi kain orang tetapi sekarang kita perlu lakukan itu untuk membantu mereka yang memerlukan...ini bukan bermakna kita penyibuk," katanya semasa berucap pada program Semarak Skwad Waja Sarawak di sini, hari ini.

Skwad Waja merupakan inisiatif sukarelawan yang ditubuhkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) bagi memperkasakan komuniti dengan menyediakan bimbingan psikososial dan melaksanakan aktiviti komuniti.

Program ini merangkumi pelbagai aspek seperti kesejahteraan, kepimpinan, keselamatan dan ekonomi untuk meningkatkan kesedaran tentang jenayah terhadap wanita.

Sejak penubuhan Skwad Waja pada 2021 hingga Disember 2023, terdapat 329,221 ahli. Bagi negeri Sarawak sahaja, terdapat 2,919 ahli Skwad Waja.



## Maintaining integrity, professionalism will help propel ministry to greater heights, says Sarawak minister



Fatimah (centre) joins other guests in tossing the 'yee sang' to symbolically officiate the ceremony. — Borneo Post Online pic

Saturday, 17 Feb 2024 1:03 PM MYT

KUCHING, Feb 17 — Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Datuk Seri Fatimah Abdullah reminded staff members from agencies and departments under her ministry to embody the six characteristics outlined by the State Public Service Commission (Spans).

She listed the six characteristics as integrity; professionalism; result-oriented; kind and caring; team spirit; as well as a sense of urgency and ownership.

“I believe staff members incorporating these qualities will not only impress clients but also propel the ministry forward towards becoming one of the best in Sarawak,” she said in her speech during her ministry’s Excellence Service Award ceremony here last night.

Fatimah emphasised the significance of the APC awards hoping the recognition will motivate and inspire staff members, and encouraged the recipients to serve as examples to shape and enhance the ecosystem of outstanding work within the ministry and its departments or agencies.


“This is because this recognition is not only in the form of service achievements but also in moral values and ethics in carrying out duties — consistency in performance by demonstrating a meticulous, focused and responsible attitude in tasks and a tendency of achieve excellence, including a desire to continually improve skills, knowledge and performance.

“Most importantly, practising integrity in service by prioritising honesty, fairness and transparency in various aspects of service regardless of pressure or temptation,” she said.

Fatimah urged staff members to maintain the momentum of excellence and commitment and continue supporting the government’s efforts towards the wellbeing and prosperity of Sarawak.

The APC ceremony celebrated a total of 35 recipients, including eight from her ministry; 21 from the Social Welfare Department; and six from the Sarawak Women and Family Department.

Also present were her deputy Datuk Mohamad Razi Sitam and permanent secretary Noriah Ahmad; Sarawak Women and Family Department director Salmah Jobeli; state Welfare Department director Adana Jed; and SeDidik general manager Ayub Dahari. — Borneo Post Online



## Dera bayi: JKM N. Sembilan tunggu keputusan tutup sementara taska



Rosnah Sardi ketika ditemui di pejabatnya di Seremban baru-baru ini. -UTUSAN/NUR SHARIEZA ISMAIL.

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL, 17 Februari 2024, 11:39 am

SEREMBAN: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan sedang dalam proses menunggu keputusan daripada ibu pejabat jabatan itu berkaitan mendapatkan perintah penutupan sementara ke atas taska yang terbabit dengan isu penderaan bayi di Nilai di sini baru-baru ini.

Pengarah JKM Negeri Sembilan, Rosnah Sardi berkata, di peringkat pihaknya, laporan dan siasatan berkaitan terhadap taska di Desa Cempaka, Nilai itu sudah pun selesai.

"Sementara ini, kami menunggu keputusan kelulusan perintah (penutupan sementara) daripada ibu pejabat kerana JKM negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah mengosongkan premis ke atas taska tersebut.

"Berkemungkinan kelulusan mendapatkan perintah itu mengambil tempoh masa selama seminggu melainkan kejadian itu 'mendesak' tindakan segera akan diambil," katanya ketika ditemui di sini.

Beliau berkata, pihak JKM negeri mengakui kebimbangan para ibu bapa yang menghantar anak mereka ke taska tersebut susulan kes yang berlaku.

Bagaimanapun katanya, apabila sesuatu kejadian penderaan berlaku kepada kanak-kanak, JKM akan melihat perkara itu mengikut situasi.

"Dalam kes yang berlaku itu, hasil semakan secara keseluruhan mendapati di pihak taska, organisasi tersebut mematuhi segala peraturan yang digariskan. Taska berkenaan menjadi lokasi sahaja di dalam kejadian tersebut.

"Di peringkat pelaku, tidak mempunyai jenayah lampau dan pelaku ini mempunyai sijil kursus asas pengasuhan kanak-kanak. Namun begitu, kami mempunyai undang-undang pusat jagaan yang terlibat dalam kejadian penderaan dengan mengenakan perintah penutupan sementara," katanya.

Rosnah memberitahu lagi, penilaian JKM pula selepas situasi itu mendapati masih ada lebih kurang 20 kanak-kanak berada di taska terbabit.

"Sehubungan dengan itu, sebagai pencegahan awal, JKM telah mengarahkan pelaku supaya tidak mendekati taska terbabit dan peringatan turut diberikan kepada pengusaha untuk tidak menerima semula pelaku," katanya.


Dalam pada itu, beliau turut berkata, mana-mana individu dan organisasi yang menguruskan kanak-kanak disyorkan supaya menyemak rekod jenayah seksual pekerja atau bakal pekerja melalui Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Daftar Kanak-Kanak (eDCK).

"Pihak berkaitan termasuk ibu bapa yang ingin mengambil pengasuh atau pemilik taska yang ingin mengambil pekerja boleh membuat semakan melalui sistem itu dengan membuat permohonan di JKM bagi memastikan individu yang diambil bebas rekod jenayah terhadap kanak-kanak," katanya lagi.

Pada 13 Februari lalu, media melaporkan seorang wanita yang juga pengasuh di sebuah taska dekat Desa Cempaka, Nilai, di sini dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban atas pertuduhan menganiaya atau bertindak cuai ke atas seorang bayi perempuan berusia 10 bulan pada 5 Februari lalu.

Tertuduh yang berusia 66 tahun itu bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan hakim, Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh, sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap seorang bayi perempuan berusia 10 bulan 30 hari didapati telah menganiaya atau bertindak secara cuai dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal dengan cara menampar muka mangsa. -UTUSAN.



Empat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah dibuka bagi menempatkan mangsa banjir di kawasan Kuching dan Bau. Foto fail Bernama.

## Empat PPS dibuka di Sarawak setakat ini – Fatimah

By TVS #bm, Berita Sarawak February 17, 2024

KUCHING, 17 Feb: Empat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah dibuka bagi menempatkan mangsa banjir di kawasan Kuching dan Bau setakat ini.

Antara PPS yang dibuka adalah di Dewan R Piang, Dewan Masyarakat Stapok, Dewan Kampung Segong dan Dewan Serbaguna Taman Malihah.


Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Dato Sri Fatimah Abdullah, kesemua mangsa yang terjejas akibat banjir telah selamat dipindahkan ke PPS yang ditetapkan.

"Setiap PPS yang dibuka itu telah dilengkapi dengan keperluan asas mangsa termasuk makanan. Jadi mengikut rekod kita setakat kita telah buka empat PPS," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) Sarawak di sebuah hotel di sini, malam tadi.

Katanya, setiap agensi yang terlibat senantiasa bersedia di bawah naungan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS), Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

"Setiap agensi sudah mengambil maklum peranan masing-masing dalam menghadapi kejadian banjir di kawasan yang terjejas. Jadi bila-bila masa tiba maka ia menjadi penggera dan kemudian semua orang akan bergerak melakukan tanggungjawab masing-masing," jelasnya. -TVS




## Pandemic restrictions factor in domestic violence rise

Marked increase recorded during height of lockdown attributable to stress of regimented routines

QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI

17-02-2024 04:22 PM



File for representational purpose

**PETALING JAYA:** The Covid-19 pandemic did not just take the lives of 36,387 Malaysians as of October 2022. It also caused social and emotional problems for those who were forced to work from home or remain housebound for extended periods.

Among the problems was an increase in domestic violence, with 6,540 cases recorded in 2022. However, since Covid-19 entered the endemic stage the same year and life returned to normal, the numbers have fallen, with 2023 recording 5,507 cases.

A Women, Family, and Community Development Ministry spokesman said: "Police documented 1,406 such cases last year while the Social Welfare Department, which is under the ministry, reported 188 cases from January to November 2023."

A volatile temper and stress were identified as the primary factors that contributed to domestic violence.

The spokesman said physical violence was the most serious and common form of domestic violence, with 1,759 cases reported to police.

"Also, spouses represented the largest number of women affected by domestic violence that were reported to the department, with 459 such cases as of November last year."

Malaysian Psychospiritual Welfare Association deputy chairman Dr Adnan Omar said the gender ratio for individuals experiencing domestic violence at home is one male for every three females.

"Many victims feel that males are entitled to use harsh punishment that may lead to domestic abuse because of the patriarchal system, which reflects male dominance.

"Some victims believe they are at fault because they perceive themselves as inadequate spouses or children. Consequently, they feel they deserve it when the aggressors commit violence upon them."

Adnan said in certain cases, victims may suffer from low self-esteem, leading to weakened positive responses when attempting to defend themselves.

"Many victims stay in an abusive relationship for years. It is like a vicious cycle that needs to be broken to prevent future domestic abuse.

"In many cases, it takes strong external support for victims to finally leave abusive unions," he said.

While wives are commonly victims of domestic violence, Father's Rights Association Malaysia (FRAM) founder Sheikh Faleigh Sheikh Mansor said husbands are not exempt.

"Since we were established in 2021, FRAM has received over 20 cases involving male victims experiencing mental torture and physical abuse as prevalent forms of domestic violence."

He said some abused husbands find themselves uncertain about what to do and often hesitate to voice their experience.

"They also feared that if they could not control their temper and reacted to their wife's violence, it might escalate into a more serious situation.

"They just need to have a conversation with someone who has experienced similar problems, as men often feel embarrassed to discuss it with friends or family," he said.

Muralitharan Shanmugam, a former teacher-counsellor at a school in Ipoh, said children of abusive parents can be considered "second victims".

"Witnessing abusive behaviour at home can have lasting effects on their mental, emotional and physical well-being. The trauma from such experiences can impact their development, relationships and overall quality of life."

Muralitharan said children exposed to domestic violence may undergo changes, including showing aggressive behaviour, getting into fights without reason or expressing unexplained anger.

The ministry advised domestic violence victims to seek protection under the Emergency Protection Order, Interim Protection Order or Protection Order.

Offenders breaching such orders may face penalties under the Domestic Violence Act 1994, that include fines of up to RM2,000, imprisonment of up to six months, or both.



## KERAJAAN SABAH PERUNTUK RM3.43 JUTA UPERKASA KEPIMPINAN WANITA MELALUI AKWAN - HAJIJI



Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Hajiji Noor

17/02/2024 07:43 PM

KOTA KINABALU, 17 Feb (Bernama) – Kerajaan Sabah telah memperuntukkan RM3.43 juta bagi membantu Akademi Kepimpinan Wanita (AKWan) di bawah Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) dalam usaha akademi itu untuk memperkasakan kepimpinan wanita di negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor berkata peruntukan itu dapat membantu AKWan melaksanakan program-program latihan bagi meningkatkan kualiti kepimpinan golongan wanita di Sabah.

Beliau berkata usaha itu yang juga projek khas Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) adalah sebagai usaha membudayakan kesaksamaan gender dan membangun potensi wanita di negeri ini.

"Saya dimaklumkan sasaran peserta AKWan ini terdiri daripada pemimpin politik, orang muda di peringkat akar umbi selain yang terlibat dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Saya yakin graduan AKWan mampu menggalas tanggungjawab sebagai seorang pemimpin pada masa akan datang," katanya sempena Majlis Graduasi Kursus Kepimpinan Wanita (AKWan) di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat (KPMKR) Datuk James Ratib.

Hajiji berkata kerajaan negeri menghargai usaha Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA) dan MPWS dalam memperkasakan golongan wanita di Sabah.

Katanya KPMKR melalui JHEWA telah diperuntukkan sebanyak RM4.2 juta bagi pelaksanaan program Kemahiran Ibu Tunggal dan Wanita B40, Program Kepimpinan dan Kesaksamaan Gender serta Program-Program Kesedaran, manakala MPWS menerima peruntukan sebanyak RM700,000.

Sementara itu, Ketua Menteri berkata kerajaan negeri akan terus berusaha untuk mencapai sasaran 30 peratus penglibatan wanita dalam memegang jawatan tinggi dan pembuat keputusan di negeri Sabah.

Katanya setakat Januari tahun ini, wanita sebagai pembuat dasar keputusan kerajaan negeri bagi jawatan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (TSKN) merekodkan 33.3 peratus iaitu seorang wanita daripada tiga orang TSKN.

Katanya jawatan Setiausaha Tetap Kementerian (SUTK) pula mencatat 30 peratus, iaitu tiga orang wanita daripada 10 SUTK manakala 47.61 peratus bagi Ketua Jabatan iaitu 20 wanita daripada 42 Ketua Jabatan,



## Kes remaja bunuh bayi: Perlu ada belas kasihan – aktivis

Zarah Morten  
Diterbitkan: Feb 17, 2024 8:30 AM · Dikemaskini: 9:52 AM

Keputusan untuk membicarakan seorang remaja atas pertuduhan membunuh anak dan bukannya membunuh menafikan perlindungan terhadap pesalah bawah umur yang disediakan oleh Akta Kanak-Kanak 2001, kata seorang aktivis.

Penyelaras eksekutif Rangkaian Antihukuman Mati Asia (Adpan) Dobby Chew (*gambar bawah*) berkata kekurangan perlindungan juga menghalang remaja itu daripada mendapat sokongan yang diperlukan selepas melalui peristiwa traumatik.

Jelasnya, akta kanak-kanak hanya terpakai bagi kesalahan yang tidak membawa hukuman mati, yang perintah mandatorinya telah dimansuhkan, atau penjara seumur hidup.

"Walaupun terdapat sudut kepentingan awam dalam memastikan mereka yang melakukan pembunuhan untuk bertanggungjawab, ia tidak seharusnya diteruskan tanpa sebarang semak danimbang oleh pendakwa raya.



"Kebijaksanaan kehakiman hanyalah sebahagian daripada prinsip untuk memastikan keadilan dilaksanakan.

"Pendakwa raya menanggung separuh lagi dengan memastikan bahagian (undang-undang) yang sesuai digunakan dalam pendakwaan," katanya kepada *Malaysiakini*.

Pada Selasa, [seorang remaja mengaku bersalah](#) atas pertuduhan membunuh anaknya yang baru lahir dua tahun lalu, di Mahkamah Majistret Kemaman hari ini.

Gadis berusia 17 tahun itu [terlepas daripada hukuman mati](#) selepas kesnya ditukar daripada pertuduhan bunuh kepada pertuduhan alternatif di bawah Seksyen 309A Kanun Keseksaan.

### Pesalah juvana

Dia sebelum ini dihadapkan dengan pertuduhan bunuh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Kesalahan membunuh anak di bawah Seksyen 309A membawa hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda.

Sementara itu, pengasas International Women's Action Watch Asia Pasifik Shanthi Dairiam (*gambar bawah*) memberitahu *Malaysiakini* bahawa sistem keadilan mesti melihat perbuatan membunuh oleh remaja itu sebagai jenayah daripada seorang pesalah juvana.



Dia berkata terdapat beberapa faktor pengurangan yang juga mesti dipertimbangkan: Konsep kanak-kanak terpakai selaku mangsa rogol berkanun, sama ada remaja itu mempunyai akses kepada perkhidmatan pengguguran yang sah atau tidak, dan tiada perkhidmatan kebajikan di Malaysia yang memberikan sokongan untuk kehamilan remaja.

"Perkara di atas adalah semua faktor pengurangan yang mendorong pendekatan belas kasihan oleh sistem keadilan terhadap 'jenayah' pembunuhan bayi dan bukannya pendekatan menghukum.

"Jadi daripada sistem keadilan mengambil pendekatan menghukum dalam kes ini, sistem undang-undang harus melihatnya dengan belas kasihan dan mengambil pendekatan yang melindungi gadis itu daripada mudarat selanjutnya," katanya.

Sebagai contoh, remaja itu boleh diberikan perkhidmatan kaunseling dan pemulihan serta bantuan dalam meneruskan pendidikan remaja itu, kata Shanthi.

Dia berharap agar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menangani perkara itu.



Gambar tali, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Nancy Shukri.

Selain itu, kata Shanthi teman lelaki remaja berkenaan - yang berusia 22 tahun dan sedang dicari pihak berkuasa kerana dipercayai merogolnya - juga perlu dikaunseling.

"Supaya dia boleh lebih bertanggungjawab dan tidak menyebabkan kanak-kanak perempuan mengandung," katanya.

Kes itu juga menunjukkan keperluan pendidikan seks di sekolah, tambahnya.

Remaja berkenaan menjadi tumpuan pada awal 2022, berikutan cubaan awal yang gagal untuk dibebaskan dengan ikat jamin sementara menunggu kes pembunuhan ketika itu, dengan Mahkamah Rayuan membenarkannya dia dibebaskan dengan ikat jamin pada Mei 2022.

### Pengecualian Kanun Tatacara Jenayah

Pada 15 Feb tahun yang sama, remaja itu didakwa membunuh di hadapan Mahkamah Majistret Kemaman di Terengganu.


Menurut laporan *Malay Mail*, Majistret Tengku Eliana Kamaruzaman menolak pengakuan remaja itu untuk dibebaskan dengan ikat jamin.

Di bawah undang-undang Malaysia, kes pembunuhan merupakan kesalahan yang tidak boleh jamin, bermakna jaminan hanya diberikan mengikut budi bicara mahkamah.

Bagaimanapun, menurut peguam remaja itu, Nurainie Haziqah, Seksyen 388 Kanun Tatacara Jenayah membenarkan pengecualian dibuat jika orang yang didakwa sama ada sakit, bawah umur atau perempuan.

Mahkamah Majistret memerintahkan remaja itu direman tujuh hari pada Februari untuk memudahkan siasatan polis.

Dilaporkan bahawa bayi yang baru lahir ditemui mati pada 8 Feb 2022, di rumah gadis itu di Felcra Sri Bandi di Chukai, Kemaman.



## Lelaki didakwa amang seksual anak tiri, 12

Published on: Saturday, February 17, 2024  
By: Jo Ann Mool



*Seksyen 14(a) Akta itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh didenda jika sabit kesalahan, manakala Seksyen 16(1) Akta sama memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun dan sebatan tidak kurang daripada dua kali sebatan rotan jika sabit kesalahan.*

**KOTA KINABALU:** Seorang lelaki berusia 39 tahun dijatuhi hukuman penjara tujuh tahun dan diperintahkan dikenakan dua kali sebatan rotan oleh Mahkamah Sesyen pada Jumaat kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap anak tirinya yang di bawah umur, tiga tahun lalu.

Hakim Elsie Primus mendapati lelaki itu bersalah melakukan jenayah terbabit ke atas kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun itu untuk tujuan seksual dengan memegang payudara kanak-kanak berkenaan jam 3 pagi pada 23 April, 2021 di sebuah rumah di sebuah kampung di Kota Marudu.

Ketika menyampaikan keputusannya di hujung pembelaan lelaki itu, Elsie berkata mahkamah berpuas hati bahawa pendakwa berjaya menjelaskan semua ramuan kesalahan itu, kerana pertuduhan alternatif itu telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah.

Lelaki itu, yang pada mulanya dibicarakan atas tuduhan merogol kanak-kanak terbabit, di bawah Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan, diperintah membela diri terhadap pertuduhan alternatif melakukan serangan amang fizikal terhadap kanak-kanak itu.

Pertuduhan alternatif didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dibaca bersama Seksyen 16(1) Akta sama kerana tertuduh mempunyai hubungan amanah dengan kanak-kanak itu sebagai bapanya.

Seksyen 14(a) Akta itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh didenda jika sabit kesalahan, manakala Seksyen 16(1) Akta sama memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun dan sebatan tidak kurang daripada dua kali sebatan rotan jika sabit kesalahan.

Peguam Nabila Norsahar yang mewakili lelaki itu merayu hukuman ringan dengan tarikh penjara bermula dari tarikh dia ditangkap.

Lelaki itu hanya bekerja di kampung sebelum ditahan dan tidak mempunyai rekod sabitan lampau, kata Nabila.

Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Suriyati Jumain yang mewakili Timbalan Pendakwa Raya Siti Hajar Mazlan memohon hukuman lebih berat kerana keseriusan kesalahan itu dan kepentingan awam.

Lelaki terbabit gagal melaksanakan tanggungjawabnya untuk melindungi kanak-kanak itu dengan melakukan kesalahan berkenaan, kata pendakwa, yang memohon hukuman itu berjalan dari tarikh dia disabitkan kesalahan.

Mahkamah memerintahkan lelaki itu menjalani kaunseling pemulihan semasa di dalam penjara dan diletakkan di bawah pengawasan polis selama tiga tahun selepas menjalani hukuman.

Lapan saksi pendakwa dipanggil oleh pendakwa di peringkat pendakwa manakala lelaki itu, yang memberi keterangan secara bersumpah, adalah saksi tunggal dalam pembelaannya.